

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 APRIL 2016

Contohi model kesaksamaan, keadilan Tunku

» Sultan Nazrin lancar buku hasil perbualan dua tahun Abdullah dengan PM pertama

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, menyifatkan Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai bapa yang telus, bersahaja dan jujur ketika melontarkan pandangan.

Baginda bertitah, Perdana Menteri pertama yang diberi jolokan sebagai Bapa Kemerdekaan itu adalah pemimpin yang sentiasa berpegang kepada kepentingan pengasingan kuasa untuk menja-

BH - 7/4/2016

min integriti institusi kehakiman, perundangan dan eksekutif.

“Beliau (Tunku Abdul Rahman) tidak ditakdirkan untuk menikmati segala keistimewaan ketika dilahirkan sebagai putera apabila mengambil keputusan menggalas jawatan Ketua Eksekutif negara.

“Sebaliknya, beliau memikul amanah itu sebagai pemerintah dan penyimpan harta negara untuk dinikmati rakyat secara saksama,” titahnya ketika melancarkan buku ‘*Conversations with Tunku Abdul Rahman*’ (Siri Perbualan Dengan Tunku Abdul Rahman), di sini, semalam.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Yang turut hadir, Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Presiden Pengasas Institut Hal Ehwal Demokrasi dan Ekonomi (IDEAS), Tunku Abidin Muhriz dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Azemi Abdul Aziz.

Naskah setebal 216 halaman itu memaparkan perbualan an-



Sultan Nazrin melihat buku ‘*Conversation with Tunku Abdul Rahman*’ sambil diperhatikan Abdullah (dua dari kanan) pada majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

tara penulis buku, Tan Sri Abdullah Ahmad dengan Tunku Abdul Rahman antara 1982 hingga 1984.

Perjalanan kerjaya

Karya Abdullah antara lain memuatkan pelbagai cereka sepanjang pertemuan dan perjalanan kerjayanya dengan Tunku Abdul Rahman apabila dilantik sebagai Setiausaha Politik Tun Abdul Ra-

zak Hussein.

Sultan Nazrin menitahkan generasi hari ini dan pelapis negara wajar menimba manfaat daripada karya Abdullah, iaitu ikon pemimpin yang dikenalnya sejak 30 tahun lalu kerana ia adalah himpunan maklumat dan khazanah ilmu.

“Buku ini menyingkap pelbagai keperibadian Tunku Abdul Rahman ketika hayatnya, seperti

perspektif pandangan, kebijaksanaan dan hala tujuanya pemimpin negara.

“Tunku Abdul Rahman diangkat sebagai model kepada generasi rakyat Malaysia ketika zaman beta. Justeru, beta akan teladani kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman dan mematuhi prinsip keadilan serta kesaksamaan sepanjang menggalas tugas sebagai pemerintah,” titahnya.